

## Penyembahan Dewa Syurga: Agama Baharu Kaum Cina di Malaysia

S. E. ACKERMAN & RAYMOND L. M. LEE

Berbeza daripada kepustakaan tentang agama baharu Jepun yang kaya, ada sedikit sahaja penerbitan tentang agama baharu orang Cina. Setakat ini, Marjorie Topley telah melaporkan sekta *Great Way* berdasarkan data yang dikumpulnya di Tanah Melayu dan Singapura antara tahun 1954 dan 1955.<sup>1</sup> Sementara itu, Welch dan Yu pula telah memberi penerangan yang menarik tentang sekta yang dikenali Ajaran Suci Hikmah Syurga yang mereka kaji di Hong Kong dan Taiwan antara tahun 1958 dan 1978.<sup>2</sup> Tulisan mereka melaporkan kedua-dua sekta ini mengamalkan agama sinkretik yang telah dieksport dari tanah besar China ke komuniti Cina di luar negara.<sup>3</sup> Penyekatan sekta-sekta ini di China dan penyebarannya ke luar negara telah mendorong Marjorie Topley mempersoalkan wujudnya sekta-sekta tersebut di dunia moden ini di bahagian kesimpulan makalahnya pada tahun 1963. Beliau menjangka bahawa sekta-sekta itu akan lenyap secara beransur-ansur dengan lahirnya generasi muda yang kian dipengaruhi fikiran dan nilai moden dari negara barat. Namun, jangkaan beliau tidak bertahan lama kerana beberapa perubahan yang berlaku dalam komuniti Cina di Malaysia baru-baru ini, seperti yang akan diperkatakan dalam kertas kerja ini.

Kewujudan agama baharu orang Cina di Malaysia<sup>4</sup> ini dikesan semasa kajian tentang keadaan sawai dan kerasukan dijalankan pada tahun 1978. Sekta agama yang dikenali Baitiangong (Penyembahan Dewa Syurga) telah wujud kurang daripada dua tahun sebelum penemuan kami setelah mengikuti aktivitinya selama empat tahun lalu dengan membuat pemerhatian ke atas upacara amalnya, selain menjalankan temu bual dengan ketua dan pengikutnya. Dalam kertas kerja ini, kami akan menyusur-galur sejarah sekta ini, menerangkan latar belakang ketuanya, memberi ringkasan tentang ideologi agama ini dan mengaitkannya dengan perkembangan sosial-politik komuniti Cina di Malaysia.

### SEJARAH SEKTA, 1976-1981

Asal usul sekta ini dikesan daripada ketua pengasasnya, Guan Tianming<sup>5</sup> yang mempercayai kelahirannya di dunia ini adalah untuk menyelamatkan kaum Cina di Malaysia daripada pengaruh jahat politeisme sekali gus memperkenalkan mereka kepada pemujaan monoteisme. Guan “menyedari” misi itu setelah mendapat alamat ghaib dalam suara yang mengarahkannya untuk memusnahkan

tokong. Bila mengatakan dirinya tidak mempunyai kuasa itu, suara tersebut memintanya memeriksa pergelangan tangannya. Guan nampak kilatan cahaya pada pergelangan tangannya yang ditafsirnya sebagai mendapat kuasa ketuhanan dalam usaha menentang tradisi. Beliau lantas dihantar pesawat tanpa juruterbang ke tempat yang penuh dengan tokong Cina dan Hindu. Tokong-tokong ini dimusnahkannya dengan cahaya laser. Selepas misi itu tercapai, beliau kedengaran suara “Amat memuaskan. Anda pengikut Tuhan. Anda penyelamat semua makhluk yang tidak suci.”

Alamat ghaib itu telah memberi kesan kuat dalam jiwanya semasa merasa kecewa dalam kerja. Dalam lingkungan usia empat puluhan, Guan yang suka bercakap dan berpendidikan Inggeris itu seorang guru sekolah tempatan. Oleh kerana tidak tahu Mandarin, beliau hanya bertutur dalam dialek Kantonis. Beliau yang telah berumah tangga dengan dua orang anak itu pernah belajar di kolej dan universiti perguruan di Semenanjung Malaysia. Kerjanya sebagai guru terjejas setelah mendaftarkan diri di universiti tempatan untuk mengikuti kursus pentadbiran awam. Setelah berijazah, beliau bekerja sebagai perunding pengurusan di sebuah syarikat setelah kehilangan kerja mengajar. Setahun setelah menceburi bidang perniagaan, beliau berhenti kerana bercanggah pendapat dengan pihak atasan dan balik semula menjadi guru, tetapi kecewa besar setelah gagal menyandang jawatan pengetua sekolah. Masa itulah beliau mendapat alamat ghaib yang mendorongnya merenung kembali kekecewaannya di satu pihak dan bersedia untuk menjadi utusan Tuhan di satu pihak yang lain.

Dalam langkah pertama menubuhkan sekta, Guan cuba menyatukan pelbagai pengantara roh dan kumpulan yang berkuasa ghaib yang tinggal berjiran dengannya di Kuala Lumpur. Taktiknya ialah menunjukkan kehebatan kuasanya ke atas mereka yang dijemput menghadiri sesi meditasi di sebuah tokong kosong. Tetapi, tidak ada yang datang. Oleh itu, beliau cuba menghimpunkan sekumpulan wanita Cina yang sudah berusia yang dikenali Baiqijie (Penyembuhan Tujuh Pari-pari) sebagai pengikut. Kumpulan ini berkumpul di tokong untuk berdirik dan bersawai secara tetap. Guan membuat mereka kagum dengan kuasa ghaibnya dan mengajar mereka bermeditasi. Lama-kelamaan, didorong naluri ingin tahu, ramai wanita Cina datang ke perhimpunan Guan untuk mendapat perutusan, belajar meditasi dan menonton penyembuhan ajaib. Akan tetapi, Guan masih tidak dapat mengukuhkan kuasanya ke atas pengantara roh yang boleh mengancam sekta baharu ini. Walaupun cabaran itu telah mengakibatkan pertarungan agama, tetapi Guan berjaya melumpuhkan mereka dalam keadaan sawai. Mereka itu akhirnya minta maaf dan mengakur kuasa Guan. Peristiwa itu telah tersebar sehingga reputasi Guan sebagai ketua agama dipandang serius dan dihormati. Akhirnya, Guan mendapat gelaran Xiansheng (Guru).

Selepas mengalahkan pengantara roh lain, Guan menumpukan perhatiannya untuk memantapkan sektanya. Di peringkat permulaan, beliau mula mendapat lebih banyak lagi alamat ghaib. Ada sekali beliau “ternampak” dua penjelmaan dirinya: seorang pahlawan dan seorang lagi majistret di China masa silam dengan

dirinya kini berpakaian kot putih dihajiti lima biji butang. Setiap butang itu mewakili unsur yang berlainan (logam, kayu, api, air dan tanah). Alamat itu telah memberi keyakinan kepadanya tentang peranannya sebagai ketua samawi. Kini, Guan berpakaian putih sebagai simbol suci dan kuasa pada setiap kali berkhotbah dan penyembuhan orang sakit. Satu siri alamat ghaib lain menyusulinya semasa menerima mantera doa sekta dan arahan tentang gaya meditasi. Dengan itu, Guan mula membina imejnya yang unik dengan menceritakan alamat ghaib itu dan juga bagaimana mendapat pelbagai objek sakti, seperti tongkat dan galas bebola ajaib.

Di peringkat permulaannya, beliau lebih suka merekrut penganut Buddha, Taoisme dan ilmu ghaib lain daripada orang Cina. Setelah sektanya berkembang, Guan dapat menarik pemeluk Kristian dari kalangan orang Cina. Dengan itu, Guan menjangka akan menarik pemeluk daripada agama lain. Kini, sekta Baitiangong sudah mempunyai lebih 2,000 orang penganut di seluruh Semenanjung Malaysia. Kebanyakannya adalah kaum buruh Cina, dengan sekumpulan kecilnya daripada orang Cina kelas pertengahan yang berpendidikan bahasa Inggeris, dan mereka ini menduduki eselon atasan.<sup>6</sup> Sehubungan itu, Guan telah melantik dua orang pemangku yang bergelar “pemegang butang”. Setiap mereka memakai sebiji butang emas untuk mewakili elemen logam dan juga sebagai lambang ilmu pengetahuan. Pemegang butang itu dilantik untuk mengurus hal ehwal agama dalam sekta, sementara menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengawal isu kewangan dan urusan lain.

Pada akhir tahun 1978, timbul konflik tentang pentafsiran Guan kerana kelakuan moralnya. Ia bermula daripada seorang pemandu trak Cina, pemeluk awal, mengatakan kebolehan tafsiran Guan telah menjadi kacau kerana penguasaan bahasa Cinanya lemah. Pendakwa itu mengatakan Guan sudah salah faham doa sekta pertama yang diturunkan kepadanya dalam dialek Kantonis kerana beliau tidak berpendidikan bahasa Cina. Perselisihan pendapat tentang pentafsiran kitab agama ini berlanjutan sampai ke ideologi monoteisme sekta setelah pemandu trak itu mentafsirkan bayangan wajah yang tersenyum pada matahari sebagai petunjuk ketuhanan semua planet di alam semesta. Guan menegurnya kerana bimbang tafsiran itu akan menyebabkan pemujaan berhala. Kesudahannya, pemandu trak itu telah mengumpul sanak-saudara dan sahabat-handainya untuk terus menentang Guan.

Perselisihan ini berlarutan sampaikan beberapa kelakuan moral Guan didedahkan. Antaranya dua orang mendakwa Guan telah mengabaikan keselamatan keluarga mereka semasa mengadakan sesi meditasi di atas bukit, dengan mendedahkan pengikutnya ditimpa hujan dan matahari selama beberapa hari. Ini disusuli konfrontasi tegang antara kedua-dua pihak itu caci-mencaci dan hampir-hampir mengakibatkan pergaduhan antara dua pihak. Perkara yang serius ialah dakwaan rogol melibatkan Guan yang membela dirinya dengan menyatakan itu adalah fitnah kerana wanita yang terlibat itu telah diperalatkan keluarganya (pemandu trak dan kakaknya). Guan tidak menafikan hubungannya

dengan wanita itu dan juga wanita lain. Guan menjelaskan kesemua wanita tidak menolak percubaannya untuk mendekati mereka. Skandal ini menimbulkan kebingungan di kalangan penganut yang lebih konservatif sehinggakan mereka mula meragui dakwaan Guan bahawa beliau adalah utusan daripada Tuhan. Sebaliknya, kuasa Guan sudah ditafsir semula sebagai kuasa jahat dan meninggalkan sekta itu untuk mencari “penyelamat” yang lain. Antara mereka itu adalah seorang pengikut yang memakai butang logam. Sehubungan itu, pengikut lain yang setia mentafsir kehandalan seks Guan itu suatu yang mengiringi keistimewaan kuasa ghaibnya, lantaran telah merasionalkan seluruh skandal itu sebagai ujian kepercayaan mereka ke atas ketua mereka.

Kecaman yang berterusan daripada penentangannya di akhbar Cina tempatan dan pemergian pengikutnya telah mendorong Guan menyusun semula sekta untuk mengelakkan kehilangan kuasanya. Dua orang lagi pemegang butang telah dilantik dengan seorangnya berpangkat butang logam dan yang lain butang air (lambang ketenangan). Ketiga-tiga mereka dikenali pengikut kerohanian Guan. Sekta ini juga mempunyai beberapa orang tua mengurus pentadbiran. Seorang itu diberi jawatan pengerusi bersama untuk bekerja rapat dengan seorang pemegang butang untuk mengawasi orang tua yang lain. Setiap orang tua diberi tugas khas, seperti kewangan dan penerbitan, selain bertanggungjawab mengarah dan menyelia sekumpulan penasihat di bawah bidang tugas masing-masing. Penasihat itu berfungsi sebagai orang tengah pengubal keputusan dan pengikut biasa. Mereka merekrut orang baru dan melaporkan aktiviti kepada orang tua.

Sepanjang tahun tahun 1977 dan 1979, Guan memberi khutbah setiap minggu, menjalankan penyembuhan penyakit, dan mengendalikan sawai secara besar-besaran di sebuah tokong Cina kosong. Pada tahun 1980, beliau memperoleh sebidang tanah berdekatan kampung baharu di Kuala Lumpur.<sup>7</sup> Tanah itu asalnya sebuah kolam lombong terbiar dan setelah ditimbus didakwa Guan sebagai hartanya. Guan menjadikan tanah itu tapak perhimpunan untuk khutbah dua minggu sekali. Beliau banyak menghabiskan masa selepas kerja untuk mencari penganut baharu ke seluruh Semenanjung Malaysia. Sekta ini masih berkembang dan Guan berhasrat untuk menyebarkan perutusannya kepada kaum Cina di sebarang laut. Selain telah menubuhkan cawangan di Singapura, beliau telah berjaya menarik orang Taiwan yang datang melawatnya di Malaysia untuk memeluk agamanya. Beliau juga berjaya memujuk orang Cina di Amerika Syarikat dan Denmark untuk menukar agama.

#### LATAR BELAKANG KETUA<sup>8</sup>

Guan Tianming lahir pada 6 Ogos 1936 di Ipoh dan telah kehilangan ibu dalam serangan Jepun di Singapura pada tahun 1942. Setelah ayahnya berkahwin lagi, beliau dititipkan bergilir-gilir (seperti bola, kata Guan) di kalangan saudaramaranya. Sejak kecil, Guan sudah pandai berdikari tanpa bantuan keluarga. Oleh

itu, menurutnya, beliau sudah mengharungi zaman kanak-kanak yang perit kerana tidak dilayan saudara-maranya dengan baik. Hanya beberapa orang baik kepadanya. Ini termasuk isteri pengetuanya, seorang wanita Eropah, yang membawanya bersembahyang di gereja. Akan tetapi, wanita itu bukanlah satu-satunya orang yang memperkenalkannya kepada ajaran Kristian. Sejak kecil, Guan dibesarkan ibu saudaranya, seorang penganut Gereja Methodist.

Pengetahuan Guan tentang roh alam bermula dari zaman kanak-kanak lagi. Neneknya, pengantara roh, pakar dalam membuat air jampi dan tangkal. Masa remaja, Guan telah mengalami alamat dan kejadian ajaib. Beliau masih ingat pernah nampak suatu susuk badan yang besar dikelilingi malaikat ketika berusia enam tahun. Pada umur 18 tahun, beliau diselamatkan bunyi misteri daripada kemalangan. Dalam perjalanan balik ke rumah dengan menaiki bas, beliau tiba-tiba kedengaran suara mengarahnya berundur ke bahagian belakang. Beberapa saat kemudian, bas itu memasuki gaung. Menurutny, kalau tidak mengendahkan suara itu, mungkin beliau telah terkorban. Lima tahun kemudian, sekali lagi beliau mendapat alamat ghaib yang tidak dapat dilupakan. Semasa berbaring di katil dan memandang ke langit melalui tingkap yang terbuka, beliau nampak sebutir bintang menghampirinya. Bintang itu kemudian bertukar menjadi seorang gadis yang cantik berpakaian putih, membongkok dan mencium dahinya. Selepas itu, gadis itu membuka pintu bilik dan lesap. Guan karam dalam alamat ghaib itu kerana bingung beberapa minit. Bila sedar kembali, Guan percaya gadis secantik malaikat itu sudah dihantar untuk melantikya sebagai utusan Tuhan.

Beberapa tahun kemudian, hubungan Guan dengan roh alam telah berkurang, akibat beliau aktif dalam aktiviti politik, kesatuan guru dan perniagaan. Antara tahun 1960 dan 1970, beliau menjadi seorang guru di Kuala Lumpur, selain memegang dua portfolio penting dalam kesatuan guru, di samping aktif dalam pertubuhan sukarela. Pada akhir tahun 1960-an, beliau menyertai aktiviti Pertubuhan Cina Malaysia (parti Cina utama dalam kerajaan campuran Malaysia). Berhenti mengajar pada tahun 1970, beliau bekerja sebagai perunding pengurusan di Sarawak (Malaysia Timur). Setelah semakin kecewa di dunia perniagaan, beliau kembali mengajar setahun kemudian.

Dalam tempoh sepuluh tahun ini, Guan tidak pernah berjaya dalam sebarang penuntutan kuasa dan pengiktirafan, selain gagal menyatukan pelbagai pecahan etnik dalam kesatuan guru, tetapi menjadi terkenal sebagai pejuang kesatuan. Sebagai ahli politik pangkat rendah, beliau gagal mengubah haluan politik Cina di Semenanjung Malaysia. Sepanjang kerjayanya yang singkat sebagai perunding pengurusan, rakan sejawatnya telah menghalang rancangannya yang hebat untuk mengembangkan perniagaan. Sebagai guru pun, beliau tidak mencapai cita-cita menjadi pengetua sekolah, meskipun mempunyai kelulusan dan berpengalaman di bidang pendidikan. Alamat ghaib untuk memusnahkan tokong telah memberinya petunjuk tentang perkara yang boleh dilakukannya di alam kerohanian. Ini telah bertindak sebagai penyelesaian bagi kegagalannya untuk menjadi ketua di alam duniawi. Alamat ghaib disusuli mimpi dan bayangan lain.

Beliau pernah mimpikan singa, gajah putih dan kuda putih membawanya naik ke bukit untuk bermeditasi. Beliau juga mendakwa pernah melawat syurga dan neraka. Masa bermeditasi suatu petang, beliau ternampak sebuah batu bersurat jatuh dari langit dan memasuki badannya. Beliau menafsirkan alamat itu sebagai permulaan semangat dirinya yang baharu dan semua perbuatannya pada masa depan akan dicatat. Alamat ghaib dan keajaiban masa lalu telah diingat kembali dan dianggap penting dalam kegiatan kerohaniannya sekarang,<sup>9</sup> maka bermulalah tugasnya sebagai mubaligh ajaib.

### IDEOLOGI DAN AKTIVITI SEKTA

Guan mengatakan kita hanya dapat diselamatkan sekiranya berpegang teguh kepada lima prinsip berikut:

1. Kesedaran tentang Keinsafan
2. Kesedaran tentang Diri
3. Kesedaran tentang Roh
4. Kesedaran tentang Syurga dan Neraka
5. Kesedaran tentang Pencipta<sup>10</sup>

Pemahaman prinsip-prinsip di atas boleh meningkatkan kesedaran semangat, sekaligus mempersiapkan kita untuk bersedia ke tahap penjelmaan yang lebih tinggi selepas mati. Tetapi, kesedaran itu hanya akan tercapai dengan meditasi.<sup>11</sup> Guan mengajar cara mudah untuk bermeditasi dengan mengarah pengikutnya duduk bersila dan memejamkan mata, meletakkan tangan atas abdomen dengan tapaknya menghala ke atas. Sebelum mengamalkan postur ini, pengikut dikehendaki melutut dengan merapatkan kedua-dua tapak tangan menghadap ke langit, tanda berserah kepada Tuhan. Semasa bermeditasi, dipercayai roh manusia akan melayang ke kayangan.<sup>12</sup> Namun, Guan mengingatkan pengikutnya jangan bermeditasi tanpa kehadirannya. Orang yang tidak mengendahkan amaran ini bermungkinan mudah mengalami kerasukan. Hanya kehadirannya dapat melindungi roh yang merayau-rayau itu memasuki dan merasuk penganut semasa bermeditasi. Panduan ini konsisten dengan tanggapan Guan tentang peranannya sebagai utusan Tuhan di bumi nyata. Menurutnya, manusia hanya boleh sedar dan bukannya dapat memahami Tuhan. Meditasi hanyalah pengantara untuk berkomunikasi dengan alam rohaniah dan hanya Guan, sebagai pengantara antara syurga dengan bumi itu yang dapat membantu pengikutnya mencapai tahap kesedaran tentang Tuhan.<sup>13</sup>

Guan mengemukakan dakwaannya bahawa manusia terdiri daripada jasad dan roh. Jasad ialah alat bagi roh untuk mengalami "Ujian Hidup".<sup>14</sup> Selepas mati, roh terus wujud di ruang empat dimensi semangat, iaitu syurga, neraka, awang-awangan dan bumi. Syurga lambang ketenangan dan kegembiraan yang seterusnya boleh dibahagikan mengikut tahap ketinggian. Sebaik sahaja roh

layak memasuki syurga, tiada penjelmaan akan dialaminya, melainkan roh itu balik ke bumi atas kehendak Tuhan. Neraka ialah tempat roh yang berdosa itu menjalankan hukumannya. Awang-awangan dikhaskan kepada orang yang tidak percaya akan Tuhan, tetapi berbuat baik dalam hidup. Bumi pula didiami roh yang merayau-rayau, iaitu golongan yang ditolak Tuhan atau yang membunuh diri. Roh di neraka, awang-awangan dan bumi masih akan menjelma semula di bumi untuk melalui “Ujian Hidup”.

Ajaran Guan menekankan penyelamatan melalui pengalaman langsung dengan menggalakkan pengikutnya bermeditasi agar dapat memasuki dimensi kayangan, menyaksikan kesusahan di neraka dan ketenangan di syurga serta memperakui peranannya sebagai penyelamat yang terpilih. Dengan pendedahan kepada dunia kerohaniaan melalui pengalamannya secara langsung, beliau berjaya membuat pengikut baru merasa takut setelah menyaksikan kesan buruk tidak memuja Tiangong dengan cara yang betul.<sup>15</sup> Beliau kemudiannya menasihati penganut baru itu membuang semua berhala dari rumah kerana percaya pemujaan berhala akan merosakkan fikiran secara rohaniah, kerana tanpa disedari, kita akan mengalihkan tenaga kepada berhala sewaktu penyembahan. Beliau mencadangkan kepada pengikutnya untuk meletakkan sebuah pedupaan dengan empat batang colok di atas altar rumah. Amalan ini telah menjadi logo sekta, iaitu colok yang paling besar lambang Tiangong dan tiga colok yang kecil lambang agama Kristian, Islam dan Baitiangong. Pengikutnya disuruh menyembah Tiangong sekurang-kurangnya dua kali sehari, iaitu sebaik sahaja bangun tidur dan sebelum tidur. Mereka mesti melutut, menghadap ke langit dengan tangan memegang colok, selain membaca salah satu daripada tiga ungkapan doa ataupun kesemuanya. Beliau turut menegaskan bahawa pengikutnya menyembah bagi pihak nenek moyang dan bukan untuk diri sendiri. Beliau menyimpulkan bahawa pemujaan nenek moyang itu agak sama dengan pemujaan berhala kerana keduanya mengalihkan perhatian kita daripada mencapai kesedaran tentang Tuhan.

Pada tahun 1979, Guan memperkenalkan peraturan tentang perlakuan seks selaras dengan tingkah laku yang bermoral. Penganut Baitiangong dibenarkan mengamalkan monogami, zina (ditakrifkan sebagai hubungan seks antara pasangan bukan suami isteri yang sah atau antara lelaki yang sudah beristeri dan wanita yang tidak bersuami) dan bigami.<sup>16</sup> Akan tetapi, mereka mesti menahan diri daripada perbuatan homoseksual, persundalan, sumbang muhrim, mukah dan rogol. Pengikut yang lebih konservatif telah menolak ideologi permisif Guan atas alasan bahawa Guan semata-mata memperkenalkan peraturan sebegini untuk dijadikan alasan bagi perbuatannya yang kurang bermoral. Pengikut yang lebih setia pula menerima peraturan tersebut tanpa sebarang persoalan. Guan mentafsirkan penetapan ideologi tentang keterbukaan seksual dalam sekta beliau sebagai kecaman terhadap prinsip-prinsip moral tradisional Cina. Penentangan beliau terhadap pemujaan nenek moyang dan penyebaran keterbukaan seksual sebenarnya adalah sebahagian daripada strateginya untuk menonjolkan imej sekta beliau yang berbeza dengan sekta Cina yang lain. Namun, Guan tidak

berani menyingkirkan terlalu banyak amalan kecinaan daripada sektanya, maka, beliau telah menubuhkan rombongan tarian singa dan menggalakkan penggunaan bahasa Mandarin untuk menunjukkan identiti sekta Cina.

Sistem kiamat dan tatasusila yang diterangkan di sini masih di tahap pembentukan. Guan masih terkial-kial untuk mewujudkan sistem pemikiran koheren yang akan membentuk dasar teologi dan soteriologi sekta. Ideologi sekta itu dibentuk secara berperingkat dengan mengadunkan idea keagamaan orang Kristian dan Cina serta respons inovatif Guan untuk menangani pelbagai keadaan kritikal (misalnya tuduhan atas kelonggaran moral). Institutionalisation sekta yang beransur-ansur ini membayangkan kemungkinan terbentuknya suatu ideologi yang jelas pada masa akan datang.

### IDENTITI DAN SINKRETISME

Walaupun secara tersurat Baitiangong dikaitkan dengan penyelamatan komuniti Cina daripada neraka metafizikal, namun secara tersirat, ia juga dihubungkan dengan pencarian jalan penyelesaian bagi neraka duniawi berikutan ketidakupayaan politik Cina dalam masyarakat Malaysia. Kedudukan politik komuniti Cina yang rendah dikatakan adalah hukuman akibat penyembahan berhala dan kegagalan mereka untuk memuja Tiangong. Oleh itu, Guan mencadangkan ideologi penyelamatan Baitiangong, iaitu memuja monoteistik dengan meninggalkan amalan agama tradisional Cina sebagai jalan penyelesaian bagi menangani kecelakaan politik dan rohani komuniti Cina di Malaysia.

Pada Guan, penyelamatan memerlukan perumusan identiti etnik Cina. Beliau berusaha mentafsir semula identiti Cina melalui sintesis ideologi tema Protestan dan simbol kebudayaan Cina. Unsur utama dalam ideologi Baitiangong ialah anti-pemujaan, amalan monoteisme yang ketat, dan menggalakkan upacara pengebumian sederhana lantaran pertembungan Guan dengan Protestan waktu persekolahannya dahulu. Pemilihan dupa dengan colok sebagai simbol pemujaan monoteistik dan logo sekta Baitiangong, serta penggalakan aktiviti kebudayaan seperti seni mempertahankan diri, permainan alatan muzik tradisional, persembahan tarian singa dan penggunaan dialek Mandarin adalah selaras dengan tema Protestan.<sup>17</sup> Bagi membezakan simbol kebudayaan Cina dan elemen Kristian daripada sektanya, Guan menggesa komuniti Cina bergerak ke arah penyucian rohani dan perpaduan politik.

Walaupun tema utama ideologi Baitiangong itu juga disebarkan mubaligh Kristian dan Islam<sup>18</sup> di Malaysia, manipulasi Guan ke atas simbol kebudayaan Cina, terutamanya peranan beliau sebagai pawang telah menarik perhatian komuniti Cina. Beliau menggelarkan diri sebagai pengantara antara syurga dan bumi, maka berupaya “mengeluarkan” rohnya untuk menjelajahi alam ghaib, menjalankan penyembuhan ghaib, mengusir makhluk halus yang jahat dan menahan pawang pesaing dalam pertarungan semangat. Institusi perpawangan



yang berkembang di China seawal 109 SM<sup>19</sup> terus membentuk kepercayaan dan amalan agama tradisional Cina sehinggakan perpawangan telah menjadi fokus agama popular di wilayah Fujian dan Guangdong, China Selatan. Kebanyakan orang Cina di Malaysia berasal dari wilayah ini. Kultus pengantara roh yang mengamalkan perpawangan tradisional itu telah tersebar meluas ke Malaysia dan Singapura masa sekarang.<sup>20</sup> Demonstrasi kuasa ghaib Guan yang amat dikagumi penganut agama popular Cina itu telah memantapkan kedudukannya sebagai orang yang berkuasa, sekaligus ajarannya wajar diberi pertimbangan serius.

Walaupun amalan pemujaan nenek moyang, upacara pengebumian, patung berhala, tangkal dan tukang tilik disangkal sama sekali, sekta Baitiangong tetap terpahat dalam matriks agama tradisional Cina. Persembahan kuasa ghaib adalah medium utama Guan menyebarkan ajaran Baitiangong. Pertunjukan kuasa ghaib ini dan bukannya ideologi sekta yang menarik perhatian penganut Baitiangong. Penganut sekta ini tertarik kepada kuasa ghaib Guan, manakala ideologinya hanya mendapat perhatian sampingan daripada mereka. Guan kecewa dengan pengikutnya mencarinya bagi penyembuhan penyakit semata-mata, kerana sebaik pulih, mereka tidak lagi berminat untuk mengikuti ajaran Baitiangong. Lantarnya, beliau teragak-agak untuk memenuhi permintaan orang ramai yang datang mencari penyembuhan, melainkan betul-betul yakin bahawa yang datang meminta itu berminat untuk mempelajari ajarannya.

Guan telah mengenakan amalan yang sama dalam kultus pengantara roh. Tetapi, cara perpawangannya berbeza daripada pengantara roh tradisional popular di Malaysia dan Singapura. Berbeza daripada pengantara roh yang biasanya dirasuk untuk sementara waktu dalam badannya, Guan lebih mengkhusus dalam perjalanan rohani dengan rohnya meninggalkan badan untuk pergi ke syurga atau neraka.<sup>21</sup> Guan mendakwa beliau berupaya mengajar pengikutnya untuk “mengeluarkan” roh mereka agar mereka juga boleh mengalami pengalaman ke kayangan. Dengan meminta bantuan daripada kuasa ghaib yang dilakukan pengantara roh yang lain, Guan lebih bergantung pada kekuasaan rohaninya untuk membimbing pengikutnya, menghalang pesaing daripada berpawang atau menjalankan penyembuhan dan menghalau hantu. Perpawangannya tidak menggambarkan kehairahan dan kegila-gilaan, tetapi sentiasa mengawal diri. Disebabkan peranannya sebagai pawang, selain menyampaikan ajaran, Guan juga berusaha untuk menemukan keajaiban, sedangkan kultus pengantara roh yang lain hanya terbatas pada persembahan kuasa ghaib.

Amalan perpawangan Guan bukan sahaja menarik penganut baru untuk memeluk sekta Baitiangong, malahan mengesahkan kebenaran ajarannya. Beliau menekankan pengalaman langsung tentang syurga dan neraka, iaitu perjalanan rohani yang dibimbingnya pasti akan memberi keyakinan kepada sesiapa juga tentang ajaran Baitiangong. Sewaktu sesi meditasi berkumpulan, Guan membimbing pengikutnya dalam perjalanan rohani ke syurga dan neraka. Sehubungan itu, sesetengah pengikutnya mengakui perjumpaan mereka dengan

nenek moyang yang sedang menderita di neraka, menemui Guan berada di langit, atau menjumpai gambaran lain yang luar biasa. Pengakuan ini telah dicetak dan disebarluaskan. Dengan ini, pengikut Guan yang tidak mengalami perjalanan rohani semasa sesi meditasi akan mempercayai kenyataan yang diberi Guan itu adalah yang boleh dipercayai dengan menjangka diri mereka akan mengunjungi syurga dan neraka kelak.

Penyertaan sama ada secara langsung atau tidak dalam perjalanan kerohanian dan kejadian ajaib itu menunjukkan realiti tentang kuasa Tiangong di dunia masa sekarang dan kelak. Ideologi Baitiangong itu telah membuka peluang kepada orang Cina di Malaysia, individu atau kumpulan, untuk mengakses kuasa ajaib melalui meditasi Guan bagi menangani kekecewaan mereka. Komunikasi tema Protestan melalui simbol kebudayaan Cina dan perpawangan dalam Baitiangong itu telah mengesahkan dan menguatkan identiti etnik Cina, sekali gus mewujudkan soteriologi yang boleh dipercayai.

## KESIMPULAN

Dalam makalah ini telah dibincangkan kewujudan agama baharu Cina dengan proses pembangunan ideologi, ritual dan struktur organisasinya. Ternyata sekta Baitiangong masih berada di peringkat awal kerana baru sahaja meraikan sambutan ulang tahunnya yang kelima. Ia masih kekurangan ideologi yang teliti dan sistematik, liturgi serta amalan ritual. Belum lagi ada kitab yang berwibawa untuk menerangkan asasnya. Selain dipengaruhi amalan tradisional Cina, terutamanya perpawangan, sekta Baitiangong tidak menampakkan perkaitannya biarpun secara tidak langsung dengan sekta sinkretik Cina yang rasmi. Disebabkan tidak adanya “keturunan” atau tradisi sekta yang jelas, Baitiangong adalah sekta yang boleh berubah dan fleksibel dalam usaha mentakrifkan diri, lebih-lebih lagi dalam membentuk pandangan yang menyeluruh.

Disebabkan kekurangan ideologi, ritual dan kewibawaan kitab, Baitiangong lebih mirip kepada pergerakan agama bukan Cina yang kini mendapat sambutan baik di Kuala Lumpur dan kawasan bandar lain di Malaysia daripada sekta sinkretik Cina yang ada seperti yang diterangkan Topley, Welch dan Yu. Penekanan Baitiangong tentang pengalaman langsung terhadap kuasa ajaib dengan liturgi dan ritual yang minimum itu berlainan daripada orientasi pergerakan Pentekostalisme, Subud dan Sai Baba yang telah menarik orang Malaysia, termasuklah etnik Cina, sebagai penganut mereka. Sesetengah penganut Baitiangong dalam kedudukan dan eselon atasan pernah atau masih terlibat dalam pergerakan agama bukan Cina ini. Baitiangong sepatutnya dianggap sebagai salah satu alternatif keagamaan yang bersaing untuk memenuhi permintaan dunia yang menginginkan hubungan langsung dengan kuasa ajaib.

Pembangunan agama baharu di Malaysia serta pengekalan kultus pengantara roh tradisional itu menunjukkan anggapan Topley tentang kepupusan sekta

sinkretik itu mungkin adalah tidak berasas. Beliau menjangka agama yang difahami beberapa orang sahaja dan “kuasa keajaiban yang dikatakan wujud dalam sesuatu agama” itu kurang menarik perhatian generasi muda dengan alasan “di Malaya sekarang, bakal pemimpin masyarakat membentuk idea mereka tentang kebaikan dan kerajaan ideal berdasarkan falsafah Barat.”<sup>22</sup> Pimpinan Baitiangong dan pergerakan agama sinkretik yang serupa biasanya wujud di kalangan profesional kelas pertengahan yang berpendidikan moden dan bertutur bahasa Inggeris. Keghairahan orang Cina dalam menemui kuasa ajaib yang ditawarkan sekta sinkretik seperti Baitiangong itu menyebabkan pertumbuhan pesat kumpulan keagamaan yang dikatakan boleh memberi pengalaman langsung terhadap kuasa ajaib.

#### NOTA HUJUNG

- <sup>1</sup> Marjorie Topley, *The Great Way of the Former Heaven: a Chinese Semi-Secret Religion in Malaya*, *The New Malayan* 2:13-23 (1957), dan *The Great Way of Former Heaven: a Group of Chinese Secret Religious Sects*, *Bulletin of School of Oriental and African Studies* 26 (1963): 362-392.
- <sup>2</sup> Holmes Welch dan Chun-Fang Yu, *The Tradition of Innovation: a Chinese New Religion*, *Numen* 27: 2 (1980): 222-246.
- <sup>3</sup> Laporan lain tentang agama baharu Cina juga boleh didapati dalam tulisan kajian lepas, tetapi perbincangannya hanya berfokus pada pergerakan milenium yang terlibat dalam pemberontakan pada kurun ke sembilan belas di China; lihat Susan Naquin, *Millenarian Rebellion in China: the Eight Trigrams Uprising of 1813* (New Haven, 1976); Daniel Overmyer, *Folk Buddhist Religion* (Harvard, 1976); Frederic Wakeman, Jr., *Rebellion and Revolution: the Study of Popular Movements in Chinese History*, *Journal of Asian Studies* 36: 2 (1977): 201-237.
- <sup>4</sup> Lebih kurang 35 peratus populasi Malaysia adalah orang Cina (tidak termasuk negeri Sabah dan Sarawak). Hubungan perdagangan Malaysia dengan China telah bermula sejak kurun ke-15 dan ke-16. Namun, penghijrahan orang China ke Malaysia secara beramai-ramai berlaku pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 menjelang era penjajahan British. Kebanyakan penghijrah ini datang dari wilayah selatan China. Kini, kebanyakan orang Cina bertumpu di kawasan bandar di pantai barat Semenanjung Malaysia. Untuk laporan selanjutnya tentang orang Cina di Malaysia, lihat kajian lama tetapi berguna oleh Victor Purcell, *The Chinese in Malaya* (Oxford, 1948).
- <sup>5</sup> Nama samaran. Ketua pengasas ini masih hidup dan kami berasa kurang sesuai untuk memaparkan nama sebenarnya di sini.
- <sup>6</sup> Ada orang Cina yang berpendidikan Inggeris di Malaysia tidak tahu membaca atau menulis bahasa Cina (terutamanya Baba atau Cina Selat Melaka yang kebanyakannya bercakap dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu). Guan dan banyak pengikut rapatnya (yang kebanyakannya ialah guru atau kakitangan awam) tergolong dalam kategori Cina yang bercakap bahasa Inggeris ini. Namun, sesetengah mereka tahu sedikit membaca dan menulis bahasa Cina. Kebanyakan mereka bercakap Kantonis dan satu atau lebih dialek Cina yang lain (Hokkien, Khek dan sebagainya). Guan berkhotbah dalam Kantonis yang banyak diselitkan perkataan bahasa Inggeris. Kebanyakan liturgi dan ideanya direkodkan dalam bahasa Inggeris dan kemudian ditranskripsikan ke dalam bahasa Cina.

- <sup>7</sup> Kampung baharu di Malaysia pada asalnya ialah petempatan setinggan Cina yang telah ditempatkan semula dari kawasan pinggir hutan ke pusat dengan dikawal rapi di pelbagai pelosok Semenanjung Malaysia di bawah Rancangan Briggs. Kaedah ini adalah salah satu strategi kerajaan untuk mengasingkan gerila komunis daripada penduduk kampung yang biasanya menjadi pembekal makanan dengan kawasan tinggal mereka pula dijadikan tapak perekrutan komunis. Setelah tamatnya pemberontakan komunis (dikenali sebagai Darurat Malaya 1948-60), kebanyakan perkampungan itu tidak dimusnahkan, malahan menjadi komuniti tetap. Majoriti penduduk kampung baharu ini ialah buruh Cina yang hanya boleh bercakap sedikit bahasa Inggeris.
- <sup>8</sup> Ringkasan daripada rakaman temu bual selama sepuluh jam dengan Guan.
- <sup>9</sup> Terdapat satu persamaan yang ketara antara Guan dan Hung Xiuchuan, ketua Pemberontakan Taiping. Kedua-dua lelaki ini mengalami bayangan yang menunjukkan kepentingan rohani sewaktu menghadapi kegagalan. Berlainan daripada Guan, Hung Xiuchuan telah banyak kali gagal dalam peperiksaan awam. Maka, hasratnya untuk menjadi kakitangan kerajaan telah musnah. Lihat Henry McAleavy, *The Modern History of China* (New York, 1967) untuk biografi ringkas Hung. Sesetengah pengalaman rohani Hung telah dibincangkan Vincent Shih, *The Taiping Ideology* (Washington, 1967).
- <sup>10</sup> Lima prinsip (wuge shrgan) ini ditulis dalam sebuah buku kecil yang diagihkan Guan kepada orang ramai. Versi bahasa Inggeris lima prinsip ini disusun mendahului versi bahasa Cina dalam buku kecil tersebut. Lima prinsip dalam versi bahasa Cina (ikut urutan di atas) ialah ganjue de shrgan, zishen de shrgan, linghun de shrgan, tiantang diyu de shrgan, tiangong de shrgan.
- <sup>11</sup> Istilah Cina bagi perkataan meditasi yang digunakan Guan dan pengikutnya ialah shang zuo. Dalam penggunaan bahasa Cina biasa, meditasi merujuk pada da zuo. Perkataan shang (bermaksud “atas”) yang digunakan Guan yang bermakna meditasi itu adalah satu bentuk kenaikan rohani, dengan roh meninggalkan badan dan menjelajahi pelbagai alam kayangan.
- <sup>12</sup> Banyak pengikut telah melaporkan pengalaman meninggalkan badan sewaktu bermeditasi. Mereka mengatakan bahawa roh mereka telah pergi ke dunia kayangan di bawah bimbingan roh Guan. Persinggahan di tempat yang penuh dengan ketenangan dan kegembiraan itu ditafsirkan sebagai “berada di syurga”, manakala pertemuan dengan kawan dan saudara-mara yang sudah meninggal dunia dan mereka kini berada dalam kesakitan dan kesusahan itu pula ditafsirkan sebagai kejatuhan ke neraka. Pengalaman mereka biasanya direkodkan, dicetak (dalam bahasa Inggeris dan bahasa Cina) dan diagihkan kepada penganut dan bukan penganut sekta.
- <sup>13</sup> Pengaruh Kristian pada Guan boleh disimpulkan berdasarkan pandangan beliau sendiri. Peranan beliau sebagai pengantara Tuhan dengan manusia boleh dibandingkan dengan dakwaan Nabi Isa, “Saya jalan, kebenaran dan kehidupan: Tiada sesiapa yang datang ke Tuhan, kecuali melalui saya.” (St. John 14: 6). Guan mengatakan bahawa beliau pernah berjumpa dengan Nabi Isa sewaktu perjalanan rohaniannya. Beliau menyifatkan Nabi Isa sebagai seorang lelaki yang tinggi dan garang, seperti imej bayangan beliau sendiri – tinggi Guan lebih kurang enam kaki, beliau berbahu lebar dan kelihatan angkuh.
- <sup>14</sup> “Ujian Hidup” lebih kurang sama dengan konsep Kristian yang berbunyi “buat baik dibalas baik, buat jahat dibalas jahat.” Perbuatan baik seseorang dibandingkan dengan perbuatan jahatnya dalam penilaiannya sendiri sebelum penilaian Tuhan, dan rohnya

- akan dihantar sama ada ke syurga, neraka, awang-awangan atau bumi. Konsep ini dikenali sebagai shrshang kaoshr dalam bahasa Cina.
- <sup>15</sup> Dalam khutbahnya, Guan sentiasa bercakap tentang kesakitan dan keseksaan yang ditanggung roh yang berdosa di neraka. Beliau menekankan tindakan punitif Tiangong, dan menunjukkan Tiangong tidak semestinya sentiasa pemaaf dan berbelas kasihan. Individu yang telah melakukan kesalahan teruk akan menanggung balasan mereka di neraka. Walaupun kebanyakan khutbah Guan bersempadan dengan kepelbagaian api dan batu belerang, beliau tidak begitu eksplisit tentang kesalahan yang dilakukan manusia. Akan tetapi, pemujaan berhala dianggap sebagai kesalahan yang paling serius dan mesti ditegah.
- <sup>16</sup> Idea Guan tentang perzinaan dan bigami berasal daripada kepercayaannya bahawa bilangan wanita melebihi bilangan lelaki dengan dua nisbah satu. Berdasarkan kepercayaan ini, lelaki yang melakukan hubungan seks secara rambang dianggap biasa. Maka, perzinaan dan bigami bukan pencabulan moral.
- <sup>17</sup> Penggabungan bahasa Mandarin dan tarian singa ke dalam Baitiangong secara tersiratnya mempolitikkan sekta itu. Parti politik Cina utama di Malaysia telah berusaha untuk menyatukan komuniti Cina yang berpecah-belah melalui kempen “menggunakan bahasa Mandarin”. Persembahan tarian singa di Malaysia juga bergabung dengan kesedaran etnik Cina dan aspirasi politik. Dalam beberapa peristiwa, ketua politik Melayu telah mengutuk tarian singa sebagai “bukan Malaysia” dan berusaha untuk melarang persembahan tarian itu. Permit polis diperlukan untuk persembahan tarian singa di khalayak umum. Permit ini biasanya tidak mudah diperolehi.
- <sup>18</sup> Agama Islam ialah agama rasmi Malaysia, agama lain masih bebas diamalkan asalkan tidak memujuk Muslim untuk memeluk agama lain. Semua orang Melayu berketurunan Muslim, manakala sekumpulan kecil etnik lain juga memeluk agama Islam. Kerajaan Malaysia menggalakkan rakyat bukan Muslim untuk memeluk agama Islam dengan menawarkan insentif yang menarik. Walaupun begitu, kebanyakan orang Cina enggan bertukar untuk memeluk agama Islam kerana penukaran agama melibatkan perubahan identiti etnik. Di Malaysia, perbuatan bertukar untuk memeluk agama Islam dianggap sama dengan perbuatan memasuki komuniti Melayu.
- <sup>19</sup> J.J. M. De Groot, *The Religious System of China*, 6 (Leyden, 1910).
- <sup>20</sup> Lihat Allan J.A. Elliot, *Chinese Spirit Medium Cults in Singapore* (London, 1955) untuk penerangan berwibawa tentang perpawangan dan agama tradisional Cina. Kultus muncul dengan pesat di kawasan bandar Malaysia dan memperoleh sambutan baik di segenap peringkat masyarakat Cina. Keperluan terhadap pengantara roh di kalangan orang Cina yang berpendidikan barat dan canggih adalah sebanyak keperluan komuniti Cina yang berorientasikan tradisional dan berpendidikan vernakular.
- <sup>21</sup> Tradisi Cina banyak memberi contoh tentang penerbangan ajaib dan perjalanan rohani. Teks klasik banyak menceritakan maharaja, pendeta, ahli alkimia dan ahli sihir yang memiliki kekuasaan itu. Lihat Mircea Eliade, *Shamanism: Archaic Techniques of Ecstasy* (Princeton, 1964). Perjalanan rohani turut wujud sebagai tema dalam puisi Cina awal. Lihat David Hawkes, Ch'u Tz'u, *The Songs of the South* (Oxford, 1959).
- <sup>22</sup> Topley, op. cit.: 391.

(Sumber asal rencana ini adalah dalam bahasa Inggeris dengan judul Pray to the Heavenly Father: a Chinese New Religion yang telah diterbitkan dalam *Numen* 29: 1 (Julai 1982): 62-77)

Penterjemah I: Lim Xiang Yi, BA  
Bahagian Bahasa Malaysia, Terjemahan dan Interpretasi,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Pulau Pinang

Emel: [xiangyilim@gmail.com](mailto:xiangyilim@gmail.com)

Penterjemah II: Goh Sang Seong, Ph.D  
Bahagian Bahasa Malaysia, Terjemahan dan Interpretasi,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia  
11800 Pulau Pinang

Emel: [gohss@usm.my](mailto:gohss@usm.my)